

BAHASA MALAYSIA TAHUN 2

Nama: _____ () Markah : _____%

Kelas : 2 ()


Tarikh :

T/tangan Ibu bapa : _____

Bahagian I: Pemahaman.(50%)

(A) Bulatkan jawapan yang paling tepat.(20%)


1. Pilih ayat yang mengandungi *digraf*.
 - A. *Skru* pintu Encik Kesavan sudah rosak.
 - B. Letakkan *pinggan* dan *mangkuk* di atas rak.
 - C. Simpan peralatan sukan di dalam *stor* dengan kemas.
2. Pilih ayat yang mengandungi *konsonan bergabung*.
 - A. Simpan *skru* dan paku di dalam kotak *plastik*.
 - B. Pasang ubat *nyamuk* di tempat yang selamat.
 - C. Letakkan ubat-ubatan di dalam peti ubat *khas*.
3. Berdasarkan ayat di bawah, yang manakah *ayat tunggal*?
 - A. Biki memakai uniform sekolah yang kemas.
 - B. Kavita dan Herina cekap bermain badminton.
 - C. Aiman tidak dapat bermain bola kerana kakinya terseliuh.



4. Pilih *ayat majmuk* yang betul.
 - A. Tini hendak makan buah rambutan dan buah mangga.
 - B. Tini hendak makan buah rambutan lalu buah mangga.
 - C. Tini hendak makan buah rambutan untuk buah mangga.

5. Pihak polis memuji sikap _____ peronda SRS itu.
A. sakit hati B. alas perut C. ambil berat

6. Ai Ling makan sekeping roti sebagai _____ sebelum ke sekolah.
A. kaki lima B. mandi kerbau C. alas perut



7. _____ pintu sejuk itu terbuka?
A. Siapakah B. Mengapakah C. Bagaimanakah



8. _____ kebakaran itu berlaku?
A. Bilakah B. Apakah C. Berapakah



9. _____ suka minum susu berperisa coklat.
A. Saya B. Kamu C. Mereka

10. _____ mestilah melintas dengan selamat.
A. Kita B. Kamu C. Dia

(C) Lengkapi ayat di bawah dengan kata adjektif yang betul.(10%)

segar	busuk	merdu	enak	haus
-------	-------	-------	------	------

1	Suara penyanyi itu sungguh _____.	
2	Kek pisang yang dihidang oleh ibu _____ sekali.	
3	Udara yang _____ baik untuk kesihatan.	
4	Adik minum jus oren kerana _____.	
5	Tong sampah itu berbau _____.	

(D) Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan.(10%)

Kita perlu bersenam supaya badan kita sentiasa sihat dan cergas. Selain itu, kita juga perlu makan makanan yang berkhasiat dan minum lapan gelas air sehari.

Kita juga hendaklah tidur awal supaya badan kita segar apabila bangun daripada tidur. Aspek kebersihan yang lain juga perlu diamalkan seperti mencuci tangan sebelum dan selepas makan. Selain itu, kita perlu menggosok gigi sebelum tidur dan selepas bangun. Gunakan sabun ketika mandi supaya badan bersih dan berbau harum.

1. Kita perlu bersenam supaya badan kita sentiasa _____ . (1 markah)

2. Berapakah gelas air yang perlu kita minum sehari? (1 markah)
A. 7 gelas B. 8 gelas C. 9 gelas

3. Mengapakah kita perlu tidur awal? (2 markah)

4. Nyatakan 2 aspek kebersihan yang perlu diamalkan. (4 markah)

a. _____

b. _____

5. Perkataan seerti bagi "harum" ialah _____. (2 markah)

Bahagian II. Penulisan (50%)

(A) Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.(20%)



Murid-murid Tahun 2A sedang bergotong-royong membersihkan (1) _____ sekolah mereka. Mereka mahu tandas sekolah mereka sentiasa bersih.

Maria sedang mop (2) _____ tandas yang kotor. Adam pula membawa (3) _____ untuk Maria.

Kok Seng ditugaskan untuk membersihkan (4) _____ tandas. Dia membersihkan mangkuk tandas itu dengan menggunakan (5) _____ dan cecair pencuci.

Ai Yang sedang (6) _____ tangannya dengan sabun di singki. Manakala Nathan pula (7) _____ tangannya supaya tidak basah. Marissa (8) _____ tandas setelah selesai menggunakannya agar tidak meninggalkan bau. Beng Hock sedang (9) _____ rambut sambil melihat cermin.

Murid-murid Tahun 2A (10) _____ kerana tandas mereka bersih dan berbau harum.


(B) Tuliskan nilai murni yang paling sesuai.(10%)

rajin	kasih sayang	menghargai masa	hormat menghormati	patuh pada peraturan
-------	--------------	-----------------	--------------------	----------------------

1	Murid-murid menumpukan perhatian sepenuhnya ketika Cikgu Remi mengajar.	
2	Anisa membaca buku sementara menunggu bas sekolahnya.	
3	Mei Li berlatih piano dengan bersungguh-sungguh setiap hari.	
4	Tini menghidangkan air minuman untuk ibunya.	
5	Murid-murid beratur ketika menaiki bas sekolah.	






(C) Baca dan fahami ayat, kemudian nomborkan ayat mengikut urutan berdasarkan gambar yang berikut (10%)

Langkah Memasak Air



()	Selepas itu, letakkan cerek elektrik di atas tapaknya.
()	Kemudian, tutupkan cerek elektrik dengan baik.
()	Mula-mula, masukkan air ke dalam cerek elektrik.
()	Akhirnya, tutupkan suis soket apabila air mendidih.
()	Seterusnya, masukkan palam.cerek elektrik pada soket dan tekan suis.

(D) Bina ayat berdasarkan gambar dan perkataan yang diberi dengan lengkap.(10%)

1		-menunggang- <hr/> <hr/> <hr/>
2		-berjoging- <hr/> <hr/> <hr/>
3		-melintas- <hr/> <hr/> <hr/>
4		-menyimpan- <hr/> <hr/> <hr/>
5		-mencuci- <hr/> <hr/> <hr/>

Jawapan

Bahagian I

A.

1. B
2. A
3. A
4. A
5. C
6. C
7. B
8. A
9. C
10. A

B.

1. Gosok
2. Buang
3. Sidai
4. Tutup
5. Lap

C.

1. Merdu
2. Enak
3. Segar
4. Haus
5. Busuk

D.

1. sihat dan cergas
2. B
3. Kita perlu tidur awal supaya badan kita segar apabila bangun daripada tidur.
4. a. Mencuci tangan sebelum dan selepas makan.
b. Menggosok gigi sebelum tidur dan selepas bangun.
5. wangi

Bahagian II

A.

1. tandas
2. lantai
3. sebaldi air
4. mangkuk
5. berus tandas
6. mencuci
7. mengeringkan
8. mengepam
9. menyikat
10. gembira

B.

1. hormat-menghormati
2. menghargai masa
3. rajin
4. kasih sayang
5. patuh pada peraturan

C.

3, 2, 1, 5, 4

D.

1. Adik *menunggang* basikal dengan berhati-hati.
2. Ali dan abang *berjoging* supaya badan sihat.
3. Murid-murid *melintas* di lintasan berpengawal.
4. Ibu *menyimpan* pisau di dalam laci.
5. Ayah *mencuci* kereta di halaman rumah.